

## Apa kata mereka

→ **LATIHAN** dan intervensi bagi membantu meningkatkan fungsi eksekutif otak individu autisme perlu diperkenalkan dan dipertingkatkan. Masyarakat juga perlu dididik untuk menggunakan pendekatan intervensi tertentu yang berseesuaian dalam memperbaiki atau memulihkan gangguan fungsi eksekutif otak dalam kalangan individu ini," katanya.



**KHAIRUL AZHAR IDRIS**  
Felo Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan IKIM.

→ **IBU** bapa memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi dan mencorakkan masa depan kanak-kanak istimewa. Ibu bapa tidak seharusnya malu dengan keadaan anak mereka kerana anak merupakan anugerah dan amanah Allah SWT yang perlu dijaga dengan sempurna," katanya.



**MUHAMMAD RIDZUAN ARSHAD**  
Pegawai Bahagian Perancangan Wilayah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

→ **ASPEK** pendidikan dan penjagaan terhadap kebajikan kanak-kanak istimewa adalah sangat penting dan tidak wajar diabaikan. "Peningkatan kesedaran dan aplikasi pendidikan golongan ini terutamanya yang mempunyai masalah pembelajaran perlu seiring dengan tahap perkembangan dan keperluan diri mereka agar mereka dapat hidup berdikari," katanya.



**DR. MOHD. FARID MOHD. SHAFRAN**  
Felo Kanan, Pusat Kajian Syariah Undang-undang dan Politik, IKIM.

# Pulih autisme dengan mukjizat al-Quran

Kaedah terapi al-Quran juga berkesan bagi kanak-kanak istimewa lain walaupun mempunyai masalah pendengaran

Oleh **MOHD. SHAH CHE AHMAD**

**P**ASTINYA setiap pasangan yang berkahwin mengimpikan zuriat sebagai pengikat kasih sayang serta penyeri dalam rumah tangga masing-masing. Namun, tiada siapa mahu anak yang dilahirkan dalam keadaan yang kekurangan ataupun cacat.

Bagaimanapun ketentuan takdir yang ditetapkan oleh Allah SWT tidak dapat dihalang. Hakikat itu sedikit sebanyak membuatkan segelintir ibu bapa menjadi terkejut menerima ketentuan untuk membesarkan anak yang bergelar orang kurang upaya (OKU) itu, lebih-lebih lagi membabitkan perkembangan mental.

Memerlukan perhatian lebih berbanding kanak-kanak normal, tidak dinafikan terdapat segelintir ibu bapa yang berputus asa untuk mendidik anak tersebut dan akhirnya mengambil sikap lepas tangan kerana didakwa 'tidak makan saman'.

Tidak kurang juga yang beranggapan tidak perlu memberikan pendidikan dan rawatan kepada kanak-kanak malang itu kerana dianggap tidak mempunyai masa depan dan hanya menjadi bebanan kepada ibu bapa, terutamanya dalam aspek pembiayaan.

Hakikatnya, zuriat merupakan anugerah Allah SWT bagi menguji keimanan hambanya dan setiap ujian yang diturunkan mempunyai penawarnya.

Ia bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksudnya: *Sesungguhnya*

*bagi setiap penyakit itu ada ubat. Maka apabila ubat itu serasi dengan penyakit, ia akan sembuh dengan izin Allah SWT.* (riwayat Muslim)

Tidak memerlukan kos yang tinggi, Dekan Fakulti al-Quran dan Sunah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Profesor Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff** berkata, terapi al-Quran



**ADNAN MOHD. YUSOFF**

merupakan salah satu kaedah bagi merawat pesakit yang diakui diiktiraf pakar perubatan dunia.

"Pengiktirafan penggunaan terapi menggunakan audio sebagai rawatan alternatif oleh pakar perubatan dunia secara tidak langsung mengesahkan amalan penyembuhan melalui kaedah terapi.

"Namun begitu, penggunaan terapi audio itu hanya terbatas kepada alunan muzik ciptaan manusia, sedangkan umat Islam mempunyai al-Quran yang terkandung pelbagai mukjizat iaitu antaranya sebagai syifa' (penyembuh).

"Al-Quran mempunyai nada huruf yang bervariasi serta susunan huruf yang harmoni sehingga apabila dibaca atau didengari mampu memberikan kesan (*i'jaz Ta'thiri*) dalam pelbagai sudut antaranya kesan kesihatan dan daya penyembuhan," katanya.

Beliau berkata ketika membentangkan kertas kerja Model Pendekatan Pendidikan dan Terapi berkonsep al-Quran untuk Anak Istimewa dalam seminar Pendidikan Anak-anak Istimewa dalam Islam anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM),

di ibu negara, baru-baru ini.

Seminar selama dua hari itu mengumpulkan sebanyak 11 kertas kerja mengenai kebajikan golongan kanak-kanak istimewa agar tidak keciciran dalam pendidikan dan semua aspek kehidupan serta membincangkan kemudahan dan kemudahan asas buat mereka.

Tambah Adnan, bukan sahaja kepada kanak-kanak autisme, kaedah terapi al-Quran juga berkesan bagi kanak-kanak istimewa lain walaupun mempunyai masalah pendengaran.

"Al-Quran sering mendahului sebutan dan susunan perkataan 'mendengar' (*assam'u*) berbanding deria penglihatan (*al-basoru*). Malah, menurut kajian sains menunjukkan deria pendengaran mula terbentuk di awal pembentukan janin yang berfungsi sepenuhnya pada minggu ke-20 janin dalam kandungan.

"Kajian neurofisiologi mendengar bacaan al-Quran, sama ada faham atau tidak tetap mendapat kebaikan dan sesuai dijadikan terapi untuk golongan OKU, tetapi lebih baik jika difahami kerana dapat mempengaruhi reaksi emosinya.

"Apabila ayat yang berbentuk seksaan atau ancaman, reaksi emosionalnya akan lebih mendorong untuk berbuat kebaikan kerana takut akan seksaan Allah SWT," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, prinsip rawatan menggunakan ayat al-Quran itu telah diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat pada zaman dahulu sedangkan penemuan rawatan barat mengenai hal itu berlaku pada zaman sains dan teknologi.

OKU juga mampu berjaya seperti masyarakat normal lain.

